

**Pembanggang gadai prinsip
Utusan Online
April 8, 2011
Oleh ROZAMAN ISMAIL dan SAIFUL HAIZAN HASAM
pengarang@utusan.com.my**

KUCHING 7 April - Datuk Seri Najib Tun Razak membidas pembanggang kerana sanggup menggadai prinsip dalam sesuatu isu yang mungkin tidak menguntungkan mereka.

Perdana Menteri berkata, mereka biasanya akan melihat apakah faedah politik yang boleh diperoleh sebelum membuat pendirian.

Katanya, sikap itu boleh dilihat dalam isu desakan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung rakaman seks yang dikatakan membabitkan pemimpin pembanggang.

"Nampaknya pembanggang tidak konsisten, dia tengok apa keadaan dan kalau mereka rasa ada sesuatu yang mungkin tidak menguntungkan, mereka akan ketepikan prinsip," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran dan penyerahan SIRIM Pintar-Learning dan SIRIM Robokit di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Santubong, di sini hari ini.

Najib berkata, sikap itu amat pelik kerana pembanggang biasanya akan 'meloncat' mendesak penubuhan suruhanjaya apabila timbul sebarang isu.

"Yang pelik bila isu ini (video seks pemimpin pembanggang), mereka membisu malah menolak penubuhannya," katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz membuat kenyataan akan mengemukakan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat rakaman video seks berkenaan pada mesyuarat Kabinet esok.

Menurut Mohamed Nazri, cadangan itu akan dibangkitkan beliau bagi membersihkan nama kerajaan dan Barisan Nasional (BN) yang dituduh menjadi dalang dalam rakaman video berkenaan.

Ia merupakan susulan kepada penafian Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail bahawa lelaki dalam rakaman itu bukan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ketua Pembanggang.

Beberapa pemimpin utama pembanggang sebelum ini menolak cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan rakaman video itu dengan alasan ia membuang masa.

Copyright © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source :

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0408&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm